



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1970) 1971
DR.70/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1970 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Perbekalan Tambahan (1970), 1971.

Tajok
ringkas.

2. (1) Maka dengan ini ada-lah di-benarkan supaya wang sa-banyak tidak lebeh daripada lima belas juta satu ratus dua puluh tiga ribu sembilan ratus sembilan puluh lapan ringgit (\$15,123,998) Di-keluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk berbagai² perkhidmatan yang di-nyatakan dalam Jadual kepada Akta ini bagi perkhidmatan tahun 1970, yang tidak di-peruntukkan atau yang tidak di-peruntukkan dengan sa-penoh-nya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1970 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama dan Kedua, 1970 yang telah di-luluskan oleh Menteri Kewangan mengikut peruntukan sekshen 3 Ordinan No. 3 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1970.

P.U. (B)
49/70.
P.U. (B)
277/70.
P.U. (B)
72/71.

(2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntukkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual kepada Akta ini.

Peruntukan.

JADUAL
(Sekshen 2)

Kepala No.	Tajok	Peruntokan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
B. 5	Surohanjaya Perkhidmatan Awam	\$ 94,971
B. 8	Perdana Menteri	147,872
B. 10	Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia ...	57,810
B. 13	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	74,000
B. 16	Kementerian Pelajaran	35,000
B. 17	Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran	9,514,252
B. 19	Kementerian Luar Negeri	177,310
B. 20	Perbendaharaan	42,799
B. 21	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	3,904,639
B. 33	Penjara	628,151
B. 38	Jabatan Kehakiman	69,110
B. 47	Kementerian Buroh	40,686
B. 49	Pesurohjaya Tanah	9,700
B. 51	Jabatan Ukur	104,512
B. 54	Jabatan Mergasetua	13,800
B. 55	Jabatan Orang Asli	168,560
B. 67	Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am	40,826
Jumlah		<u>\$15,123,998</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memberi kuasa berkanun supaya pembayaran tambahan tertentu di-buat untuk perkhidmatan² awam persekutuan dalam tahun 1970 yang melebehi perbelanjaan yang di-benarkan dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1970 dan Tambahan Pertama dan Kedua 1970 yang telah di-luluskan oleh Menteri Kewangan mengikut peruntokan sekshen 3 Ordinan No. 3 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969, dan untuk mengadakan peruntokan bagi mengganti pendahuluan² yang di-buat daripada Kumpulanwang Luar-jangka sa-bagaimana di-kehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[P.N. (U)² 213.]